

PM umum tambahan satu bilion unit AHB

Jumlah kadar pelaburan individu kini dinaikkan kepada RM1 juta

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penambahan satu bilion unit dalam Skim Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) untuk ditawarkan bagi ianggan-an umum.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, penambahan terbaru itu merupakan satu lonjakan besar, sekaligus meningkatkan jumlah unit terkumpul AHB menjadi lima bilion unit.

"Jumlah pelaburan maksimum yang sebelum ini dihadkan kepada RM500,000 kini dinaikkan kepada RM1 juta bagi pelabur individu.

"Dalam program AHB ini, harus tumpu memberi penerangan dan penjelasan dalam mendidik anak-anak muda bahawa masa depan, selain dari menyerah kepada yang lain, itu dapat ditentukan oleh mereka sendiri," katanya dalam ucapan perasmian Majlis Pelancaran Unit Tambahan



Anwar (tengah) ketika menyempurnakan pelancaran satu bilion unit tambahan AHB di Kuala Lumpur pada Selasa.

Skim AHB di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Anwar mengingatkan syarikat yang menjaga kepentingan bumiputera supaya tidak mengkhianati amanah diletakkan dalam menjaga kepentingan goiongan itu.

Menurut Anwar, beliau tidak boleh mengizinkan perkara seumpama itu berlaku lagi dalam pentadbirannya kerana ia hanya menyebabkan pernbaziran kewangan kerajaan.

"Pengurusan profesional harus dipertanggungjawabkan sepenuhnya, sekiranya terdapat penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan berlaku dan tindakan keras akan diambil terhadap mereka kerana ini bukan hanya mengkhianati amanah biasa tetapi mengkhianati amanah yang sangat diharapkan oleh bumiputera," tegas beliau.

Sementara itu, Pengerusi PHB, Tan Sri Ahmad Nizam

Salleh berkata, penambahan dana AHB itu merupakan hasil suntikan daripada beberapa aset terkini PHB.

Katanya, antara aset tersebut adalah Hospital Pakar KPJ Damansara 2; Marlborough College, Iskandar Puteri dan penilaian semula bangunan Menara Sentrum di Kuala Lumpur; Wisma Consplant, Subang Jaya serta Maersk Warehouse, Shah Alam.

"Grang ramai yang berminat untuk melanggan unit AHB itu boleh ke mana-mana cawangan pengedar sah PHB di seiuruh negara termasuk di Maybank, Ambank Islamic dan Bank Islam.

"PHB juga menyokong penuh saranan Kerajaan Perpaduan yang kini giat menggalakkan masyarakat terutamanya goiongan muda untuk merancang dan mengendalikan kewangan mereka demi kelangsungan di hari tua," ujarnya.